

TARIKH	10 / 5 / 2016	SEKSYEN	Dalam Negeri
MUKA SURAT	13	RUANGAN	



NAWAWI ISHAK mengagihkan *Tutor* kepada para pelajar yang bakal menghadapi UPSR di pekarangan SK Kampung Datuk Seri Kamaruddin, Seri Manjung, Lumut, Perak, semalam. - UTUSAN/ZULKARNAIN MOHD. SAIDIN

Tabung Haji taja *Tutor* untuk 10 sekolah di Perak

LUMUT 9 Mei - Menyedari keberkesanannya penggunaan *Tutor* dalam membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar mendorong Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menaja akhbar pendidikan *Utusan Malaysia* itu di 10 buah sekolah di negeri ini.

Pengarah Tabung Haji Perak, Nawawi Ishak berkata, tajaan bermulai 2 Mei lalu sehingga 3 Oktober depan melibatkan lima buah sekolah rendah dan lima buah sekolah menengah yang kebanyakannya terletak di luar bandar.

Menurut Nawawi, antaranya adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Datuk Seri Kamaruddin di Seri Manjung; SK Bukit Jana, Kamunting; SK Bulkit Merah, Bagan Serai; Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu 10, Sitiawan dan SMK Datuk Kamaruddin di Batu Kurau.

"Akbar pendidikan *Utusan Malaysia*, *Tutor* semakin mendapat perhatian bukan sahaja dari sekolah-



sekolah yang mementingkan kecerdasan, malah syarikat-syarikat korporat bagi membantu pelajar menghadapi peperiksaan penting.

"Tambahan pula, *Tutor* mampu membantu pelajar membuat persediaan tambahan bersama pembelajaran formal daripada guru-guru di sekolah. "Justeru, kami berharap sumbangan ini dapat memberi impak positif kepada para pelajar dan seterusnya menyumbang kepada kejayaan mereka dalam bidang pelajaran kelak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan taajaan *Tutor* 2016 kepada Guru Besar SK Kampung Datuk Seri Kamarud-

din, Samsuddin Sabri di Seri Manjung, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Pengarah Tabung Haji negeri, Amat Kassim Pait dan Pengurus Tabung Haji cawangan Sitiawan, Mohd. Radzi Taib.

Dalam pada itu Samsuddin berkata, pihaknya akan menggunakan sumbangan *Tutor* berkenaan untuk membantu pelajar-pelajarnya yang bakal menghadapi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) hujung tahun ini.

"Terima kasih kepada Tabung Haji yang sudi menaja *Tutor* untuk pelajar sekolah ini. Kami berjanji untuk menggunakan akhbar ini secara maksimum dalam usaha memastikan pencapaian pelajar dapat ditingkatkan."

"Dengan bantuan tersebut kita harap dapat capai sasaran 26 pelajar memperoleh 6A pada UPSR akan datang berbanding 10 orang memperoleh 5A sebelum ini," katanya.